

17 MAR 1997

Khalil-Kimia

INDUSTRI PETROKIMIA DI GEBENG PATUHI PERATURAN ALAM SEKITAR

KUANTAN, 17 Mac (Bernama) -- Syarikat-syarikat asing yang melabur di Kawasan Perindustrian Gebeng di sini sentiasa diingatkan supaya mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Berucap pada majlis perasmian kilang pembungkusan dan silica milik syarikat W.R. Grace & Co di sini, beliau berkata ia bertujuan untuk memastikan agar mereka sentiasa memelihara mutu alam sekitar.

Sebahagian besar daripada syarikat-syarikat asing yang melabur di kawasan Gebeng terlibat di dalam industri petrokimia, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan kilang bernilai AS\$100 juta itu di kawasan seluas 30.34ha. Turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Khalil berkata kerajaan Pahang sentiasa menggalakkan pelaburan asing, khususnya dalam industri berteknologi tinggi.

Beliau menganggap kehadiran syarikat-syarikat asing seperti W.R. Grace di Pahang sebagai penting khususnya dalam membawa kemajuan ke negeri ini.

"Saya yakin syarikat-syarikat terbabit memahami sepenuhnya mengenai pentingnya memindahkan pengetahuan bagi mengendalikan pelbagai jentera moden di kilang-kilang kepunyaan mereka kepada pekerja tempatan," kata beliau.

Dalam ucapannya, Pengerusi, Presiden dan Ketua Eksekutif W.R. Grace & Co, Albert J. Costello merujuk dasar ekonomi Malaysia yang progresif serta kestabilan politiknya sebagai faktor yang mempengaruhi syarikat itu untuk menempatkan kilang terbarunya di sini.

"Kami meramalkan pertumbuhan yang berterusan dalam operasi syarikat di rantau ini. Operasi pengeluaran di kilang di Kuantan ini akan membolehkan kami memenuhi permintaan terhadap barangan keluaran kami di rantau Asia Pasifik," kata Costello.

W.R. Grace ialah pengeluar utama di dunia bagi bahan pembungkusan, pemangkin, silika dan bahan binaan. Kilangnya di sini mempunyai 147 pekerja dan memulakan pengeluaran pada Julai tahun lepas yang mana 80 peratus daripada pengeluarannya dieksport ke seluruh rantau ini. -- BERNAMA.

ROS/MZ OBA RON